

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98**

**FEBRUARI 1998**

**RMT 555 - Pengurusan Projek IV**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. "Kecuaian para profesional di dalam mengendalikan projek memberi pelbagai kesan negatif". Daripada pespektif undang-undang pembinaan, bincangkan perkara ini.

(25 markah)

2. Bincangkan **DUA** daripada pelbagai alternatif penyelesaian pertikaian antara pihak-pihak di dalam pelaksanaan projek - dengan menekankan baik-buruk, prosedur dan kesesuaiannya.

(25 markah)

3. Tindakan menyerahhak projek memberi pelbagai implikasi undang-undang kerana kepelbagaian bentuk serahhak itu sendiri.

Bincangkan.

(25 markah)

4. Kegagalan perlaksanaan projek menimbulkan pelbagai implikasi negatif - di antaranya ialah tuntutan-tuntutan berkaitan gantirugi. Huraikan secara terperinci berkaitan hal ini.

(25 markah)

- 2 -

5. Apabila dua atau lebih pihak-pihak bersetuju pada dasarnya memajukan sesuatu projek secara bersama-sama tetapi mereka belum lagi bersedia membuat perjanjian maka mereka akan bersama-sama menyatakan hasrat atau persefahaman mereka itu. Dalam keadaan apa, bagaimana dan apakah kesannya tindakan mereka di dalam hal ini?

(25 markah)

6. Apa yang anda faham mengenai 'bon pelaksanaan' dan bagaimana ia beroperasi?

(25 markah)

7. Pengwujudan sub-kontraktor sebenarnya banyak membantu pelaksanaan projek. Namun soal-soal hubungan, pembayaran dan lain-lain aspek berkaitan undang-undang perlulah dilihat. Berikan pendapat anda daripada prospektif undang-undang pembinaan.

(25 markah)

-ooo00ooo-